

# PM: Pas hina Islam jika laksana hukum tak adil

18 JUN 2002

**K**UALA LUMPUR 18 Jun — Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad berkata, Pas menghina Islam sekiranya parti itu melaksanakan undang-undang Jenayah Syariah Terengganu yang tidak adil dan bertentangan dengan ajaran Islam.

Menurut Perdana Menteri, undang-undang Islam mesti adil dan jika wujud ketidakadilan, ia bukan undang-undang Islam sebenar.

Katanya, Menteri Besar Terengganu, Datuk Seri Abdul Hadi Awang berdosa sekiranya beliau meluluskan Rang Undang-Undang Jenayah Syariah (Hudud & Qisas) negeri itu yang akan memburukkan imej Islam.

Sehubungan itu Dr. Mahathir menegaskan, Kerajaan Pusat akan meneliti kuasa yang ada bagi menghalang pelaksanaan undang-undang tersebut.

“Kerajaan akan tengok apa kuasa Kerajaan Persekutuan dalam perkara ini dan kalau ada kuasa, kerajaan akan menghalang pelaksanaan un-

<b>Laporan :</b>
Wan Zulkifli Wan Yaakob, Samsor Junet, Zulkifli Jailil, Ismail Daud, Marhaini Kamarudin, Yusri Sahat, Asuki Abas, Nizam Hamid, Rosni Hassan, Siti Mariam Md. Zain, Akmar Hisham Mokhles, Fauzi Jaafar, Nizam Yatim dan Laupa Junus.
<b>Jurugambar:</b>
Hayat Sueet, Hanafi Khamis, Azli Ahad, Raja Jaafar Ali, Rahman Salleh, Halim Khalid, Aswad Yahya, Ghazali Basri, Saiful Nizam, Zaki Amiruddin, Sazali Che Din, Zaini Hussin, Azman Ghani.

dang-undang yang tidak adil...yang bertentangan dengan ajaran Islam.

“Orang yang jadi mangsa kena dera dan orang yang (jadi) penjenayah terlepas. Ini undang-undang apa? Takkan undang-undang Islam macam itu.

“Dia menghina Islam dengan membuat satu undang-undang yang kononnya undang-undang Islam tetapi tak ada keadilan,” katanya kepada pemberita selepas merasmikan Ekspo Nasional Usahawan Pemuda Bumiputera di Pusat Dagangan Du-

nia Putra (PWTC) di sini, hari ini.

Beliau mengulas mengenai tindakan kerajaan Pas Terengganu hendak meneruskan pembentangan Rang Undang-Undang Jenayah Syariah (Hudud & Qisas) di Dewan Undangan Negeri (DUN) bulan depan.

Ditanya perbezaan Islam ala Pas dengan negara Islam fundamentalis seperti yang diumumkan oleh beliau semalam, Perdana Menteri berkata:

“Dia (Pas) tidak menekankan ajaran Islam sebenar,

sebab itu dia sanggup kata macam-macam yang menghina Tuhan, kata Tuhan mencarut dan Tuhan samseng.

“Saya tak tahulah Tuhan mana dia sembah tetapi Tuhan saya tidak samseng,” katanya.

Menurut Perdana Menteri lagi, ajaran Islam sebenar menjadi asas kerajaan sekarang dan justeru, kerajaan tidak sewenang-wenangnya mengkafirkan orang seperti yang dilakukan oleh Pas.

Mengenai keputusan Abdul Hadi untuk terus membentangkan rang undang-undang tersebut walaupun mendapat bantahan banyak pihak dan belum diserahkan kepada Peguam Negara, katanya, ia menunjukkan tindakan parti itu bermotifkan politik.

“Dia bukan nak buat undang-undang tetapi cari isu politik. Kononnya dia yang nak laksanakan hukum Islam tapi yang dia hendak laksanakan itu bukan hukum Islam tetapi hukum Pas.

“Hukum Islam tak ada ya-

ng tidak adil, semua hukum Islam adil. Kalau sesuatu hukum itu tidak adil, itu bukan Islam,” katanya.

Mengulas penjelasan Abdul Hadi bahawa tindakannya itu bukan bertujuan menarik sokongan pada pilihan raya akan datang tetapi menjalankan tanggungjawab sebagai pemimpin sebelum akhir usianya, Perdana Menteri berkata:

“Dia akan buat dosa kerana lulus undang-undang tak adil dan kalau mati esok dia akan hadapi neraka kerana buat undang-undang yang tidak sebenarnya undang-undang Islam.

“Ini memburukkan imej Islam dan dia akan terima balasan di akhirat,” tegasnya.

Ditanya tidakkah penentangan UMNO terhadap pelaksanaan undang-undang hudud Pas ini akan digunakan oleh parti pembangkang, UMNO tidak Islamik, Dr. Mahathir menegaskan UMNO lebih mengikut ajaran Islam.